

BAB DUA

ASPEK TEORI DAN KAJIAN BERKAITAN

2.0 Pendahuluan

Menerusi bab ini penyelidik akan mengupas tentang aspek teori yang berkaitan dengan tajuk kajian. Juga disertakan tinjauan terhadap kajian-kajian terdahulu yang berkaitan. Selain itu, penyelidik juga mengutarakan melalui bab dua ini tentang permasalahan berbahasa yang dihadapi oleh pelajar berdasarkan kepada pendapat-pendapat penyelidik terdahulu yang berkaitan secara langsung dengan kajian ini.

2.1 Definisi Bertutur

Bertutur merupakan satu kemahiran asas dalam sesuatu bahasa. Untuk memperolehi kemahiran ini kita perlu kepada latihan dan percubaan yang berterusan. Pelajar-pelajar mestilah diberi latihan dan peluang yang secukupnya bagi menjamin keupayaan pertuturan mereka seterusnya dapat mengembangkan lagi penggunaan kosa kata yang bertepatan dari segi semantik dan dapat melahirkan idea yang bernas. Seterusnya pelajar hendaklah diberikan peluang yang luas untuk menjalankan aktiviti bagi mengembangkan kemahiran peruturan mereka.

Di dalam sesuatu pertuturan terdapat pelbagai aspek bahasa, antaranya seperti aspek perkataan, rangkai kata, ayat, intinasi, hentian, tekanan, nada dan sebagainya yang tidak tergambar secara jelas melalui tulisan.

Menurut definisi bahasa Arab pertuturan juga disebut sebagai "al- Muhāḍarah" yang bererti perbincangan bebas yang dilakukan di antara dua orang mengenai topik-topik tertentu". (Lembaga Tenaga Pengajar, Fakulti Pendidikan, Universiti al-Azhar 1990 : 51).

Byrne (1986: 8) pula menjelaskan bahawa pertuturan adalah satu proses dua hala antara penutur dan pendengar (pendengar-pendengar). Proses ini melibatkan aktiviti penghasilan maklumat iaitu kemahiran pertuturan dan aktiviti penerimaan iaitu kemahiran mendengar dan memahami.

Selanjutnya, Kamaruddin Hj. Hussin (Pedagogi Bahasa 1990: 135) mendefinisikan bahawa pertuturan adalah satu kegiatan melafazkan bunyi-bunyi yang dilahirkan daripada alat-alat sebutan (artikulator) manusia. Ia merupakan kemahiran berinteraksi dalam suasana berbahasa. Manakala Tamma:m Hassan (1995: 224) pula mendefinisikan percakapan atau pertuturan adalah satu aktiviti manusia yang berbentuk sebutan hasil dari keinginan penutur untuk melahirkan bahasa.

Dalam memperoleh kemahiran bertutur, terdapat pandangan yang mengatakan bahawa kemahiran bertutur merupakan satu anugerah kurniaan Allah S.W.T semata-mata yang tidak perlu dipelajari. Tetapi anggapan ini adalah kurang tepat kerana apabila

penyelidik amati dengan mendalam dan melihat kepada beberapa pendapat ahli-ahli psikologi dan linguistik ianya terbukti bahawa untuk memperolehi kemahiran bertutur seseorang itu perlulah belajar dan sentiasa berlatih.

Pernyataan ini disokong oleh Abdullah Hassan (1993 :15) yang mengatakan bahawa pertuturan merupakan fungsi kebudayaan yang harus dipelajari. Ini dapat dilihat pada proses pemerolehan bahasa dikalangan kanak-kanak yang bermula dengan membunyikan vokal dan konsonan, mengeluarkan kata-kata, dan kemudian dapat menuturkan perkataan dan seterusnya dapat membina ayat yang lengkap.

Berdasarkan kepada definisi yang diberikan oleh beberapa tokoh di atas penyelidik dapat simpulkan bahawa pertuturan adalah satu kemahiran yang penting dalam pembelajaran bahasa asing dan kejayaan penguasaan pertuturan dianggap sebagai kejayaan menguasai bahasa asing. Untuk memperolehi kejayaan tersebut para pelajar mestilah melalui proses pembelajaran yang berkesan dan bersistematik.

2.1.1 Definisi Masalah Bertutur

Masalah merupakan suatu halangan untuk mencapai sesuatu, dalam bahasa Inggeris masalah disebut sebagai problem manakala di dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-mushkilat* (المشكلة). Menurut Kamus Dewan edisi ke empat (2005 : 1001) masalah adalah sesuatu yang memerlukan penyelesaian atau perkara/keadaan yang menimbulkan kesukaran (kesulitan) sesuatu. Problem atau masalah menurut Macmillan

English Dictionary For Advance Learners pula adalah *something that causes trouble or difficulty*. (Macmillan English Dictionary Dictionary For Advance Learners 2002 : 1122).

Masalah yang disebut dalam bahasa Arab sebagai *al-mushkilat* (المشكلة) adalah suatu keadaan yang tidak selari dengan keadaan yang sepatutnya. Ianya berupa perkara yang negatif yang boleh memberi kesan kepada psikologi, kemasyarakatan, ekonomi mahupun politik. Setiap orang pastinya akan berusaha untuk mengenalpasti sebab-sebab sesuatu masalah untuk cuba mengatasi dan memperbaiki sesuatu dalam mengatasi sebarang masalah. (Abdul Aziz al-Mu‘ayyad dan Muhammad Abdullah al-Jughaima:n 2009: 16).

Daripada definisi yang dikemukakan oleh sarjana yang telah disebutkan penyelidik dapat merumuskan bahawa permasalahan sentiasa ada di mana-mana samada dalam kehidupan bermasyarakat mahupun negara. Begitu juga dalam pertuturan seharian seseorang juga akan ada masalah samada kecil ataupun besar lebih-lebih lagi jika ia melibatkan bahasa kedua ataupun bahasa ketiga yang memerlukan kepada proses pembelajaran yang baik dan berkesan.

Dalam mempelajari pertuturan bahasa asing tidak salah jika penyelidik katakan bahawa sudah tentu pelajar-pelajar akan menghadapi masalah ketika ingin bertutur samada dalam aspek kosa kata, fonetik, struktur, mahupun penggunaan strategi komunikasi yang mana ianya perlu kepada usaha untuk mengatasi setiap masalah tersebut. Permasalahan inilah yang menjadi isi perbincangan dalam penyelidikan ini.

2.1.2 Kepentingan Bertutur Bahasa Arab

Tidak dapat dinafikan bahawa penguasaan terhadap bahasa asing terutamanya aspek pertuturan akan memberikan kelebihan kepada individu tersebut samada bagi tujuan menambahkan ilmu pengetahuan, maklumat dan juga boleh bertujuan untuk ekonomi, komersial dan sebagainya. Antara kepentingan pembelajaran bertutur bahasa Arab adalah seperti berikut.

2.1.2.1 Bahasa Ilmu

Bahasa Arab juga tergolong dalam bahasa asing yang mempunyai kelebihan yang banyak sekiranya kita dapat menguasainya terutama penguasaan kemahiran pertuturan. Dengan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab dengan fasih dan lancar individu itu dapat menggali gedung ilmu dalam bahasa asing dan dapat menjalinkan hubungan secara global kerana penuturnya yang ramai.

Tidak dapat dinafikan bahawa sumber-sumber peradaban Islam adalah berteraskan kepada al-Qur'a:n dan hadith serta karya karya warisan Islam dalam bentuk buku-buku mu'tabar yang ditulis oleh alim ulama dan cendikiawan Islam dahulu sebahagian besarnya adalah berbahasa Arab. (Osman Khalid 1994: 52).

Jika ditinjau sedikit masa dahulu pusat-pusat ilmu yang dikenali sabagai pondok menjadi menjadi pusat penyebaran ilmu Islam. Pengajian ini dilaksanakan oleh tok

guru yang mahir dalam ilmu agama termasuklah ilmu Tauhid, Feqah, Sirah dan Akhlak yang mana kebanyakan kitab-kitab yang digunakan juga adalah dalam bahasa Arab.

Selain itu, pelajar lepasan pondok atau pun sekolah agama (sekolah Arab). berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti di Timur Tengah seperti al-Azhar di Mesir dan universiti-universiti di Jordan. Keadaan ini memerlukan setiap pelajar itu mahir dalam pertuturan bahasa Arab terlebih dahulu bagi memastikan proses pencarian ilmu berjalan lancar dan mereka akan mendapat kejayaan yang diharapkan.

2.1.2.2 Bahasa Global

Bahasa Arab kini boleh dikatakan bahasa global dan diteriama ramai. Tidak salah dikatakan ianya adalah bahasa kedua terpenting selepas bahasa Inggeris. Cyrill Glasse (1989) telah mengatakan dalam tulisannya :

"Arabic, the language of koran, and the Arab, todays the most important language of semitic group. Spoken by over 1000 million people and understood by many more.

(Bahasa Arab, bahasa al-Qura:n dan orang Arab, sekarang adalah kumpulan Semitik yang terpenting, yang dituturkan oleh seribu juta orang penutur dan difahami ramai).

Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang mempunyai pengaruh yang kuat di dunia. Ini dapat dilihat daripada bilangan negara yang menjadikannya sebagai bahasa rasmi dan pengiktirafan antarabangsa terhadap bahasa ini. Pada peringkat pertubuhan bangsa-bangsa bersatu bahasa Arab telah diiktiraf secara rasmi pada persidangan yang ke 28 di PBB, mengikut perkara no.28. (Decisions 28th. Sesion: 1973).

Begitu juga dengan kemunculan pusat-pusat pengajian yang berteraskan bahasa Arab di luar Negara seperti di Amerika yang berusaha untuk mengembangkan bahasa Arab sehingga kepada peringkat pengajian tinggi. Setakat tahun 1960 dianggarkan lebih 36 pusat pembelajaran bahasa Arab ditubuhkan di Amerika. Begitu juga dengan kemunculan program-program penyiaran antarabangsa memuatkan siaran berbahasa Arab seperti Suara Amerika (صَوْتُ أَمْرِيكَا), Di sini London (هُنَا لَنْدُنْ), Suara Malaysia (صَوْتُ مَالِيْزِيَا), Radia Arab Perancis (إِذَاعَةُ الْعَرَبِ فَرَنْسَا), BBC dan sebagainya. Melalui saluran ini segala peristiwa dan berita disampaikan dengan menggunakan bahasa Arab standard yang difahami oleh masyarakat yang mempelajarinya.(Ahmad Fikri Hj. Hussin 1995 : 32)

Perkembangan terbaru di Malaysia kini kita dapati bahawa terdapat papan tanda di Bandaraya Kuala Lumpur menggunakan bahasa Arab di beberapa tempat tertentu. Begitu juga Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) juga telah menggunakan papan tanda berbahasa Arab dan pengumuman berbahasa Arab bagi membantu pelancong Arab yang tiba di Malaysia. Tidak ketinggalan saluran Astro juga menyediakan satu saluran berbahasa Arab iaitu "Arab Radio Television" (ART).

Terkini menerusi akhbar Utusan Malaysia 18 Desember 2008 menyebut bahawa satu perbandaran Arab akan diwujudkan di Kuala Lumpur bagi menarik pelancong-pelancong ke Malaysia. Perkembangan ini merupakan petanda bahawa bahasa Arab kini sudah menjadi satu bahasa yang global.

Semua keadaan ini memberi gambaran kepada kita bahawa bahasa Arab kini bukan sahaja digunakan di rantau Arab sahaja, bahkan ianya digunakan di negara-negara bukan Arab. Antara tujuan lain dalam penguasaan pertuturan bahasa asing dapat dilihat daripada pernyataan Cromfield (1979: 22-23) yang menyebut tujuan mempelajari bahasa asing secara umum ialah untuk :

- a. Persefahaman antarabangsa.
- b. Industri dan perniagaan.
- c. Lawatan dan pelancongan.
- d. Keseronokan dan mengisi masa lapang.
- e. Kesedaran tentang keunikan bahasa.

Berdasarkan kepada senario semasa penyelidik berpendapat bahawa penguasaan bahasa Arab kini menjadi penting terutama aspek pertuturan. Ini kerana penggunaan bahasa Arab telah meluas dalam pebagai bidang samada bidang perniagaan, pelancongan dan sebagainya. Hal ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan Husain Su'ud (1990) yang menyatakan bahawa bahasa Arab dikira sebagai bahasa kedua atau ketiga terbesar sesudah bahasa Inggeris dan bahasa Perancis serta ia juga bahasa agama bagi seribu juta muslim.

2.1.2.3 Memperkembangkan Kemahiran Berbahasa Lain

Kemahiran bertutur merupakan antara kemahiran yang asas dalam pembelajaran bahasa, ianya diperolehi selepas daripada kemahiran mendengar, memahami dan membaca (Kenneth Chastain 1976: 333). Oleh itu ia dianggap antara kemahiran yang terpenting dalam pembelajaran bahasa asing. Seperti yang telah dikatakan oleh Robert Lado (1980: 82) bahawa seseorang pelajar tidaklah boleh disifatkan sebagai menguasai suatu ayat sehingga dia dapat menuturkannya.

Kemahiran bertutur dan mendengar mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain. Kemahiran mendengar yang melibatkan aktiviti penerimaan, manakala kemahiran bertutur melibatkan aktiviti penghasilan maklumat. (Juriah, Raminah dan Sofiah 1993: 113). Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa sesuatu kemahiran itu membantu dan melengkapi di antara satu sama lain.

Selain itu kemahiran bertutur juga dapat memperkembangkan kemahiran berbahasa yang lain iaitu kemahiran membaca sebagaimana yang telah dijelaskan oleh (Juriah, Raminah dan Sofiah 1993: 114) bahawa kemahiran mendengar dan bertutur dianggap sebagai asas untuk perkembangan kemahiran bahasa yang lain, iaitu membaca dan menulis.

2.1.3 Permasalahan Bertutur BA Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

Pelajar bahasa asing terutama bahasa Arab tidak salah jika dikatakan akan menghadapi permasalahan ketika bertutur, masalah tersebut adalah berbeza antara individu dengan individu yang lain, namun bagi tujuan penyelidikan ini penyelidik memberikan tumpuan kepada empat permasalahan yang pada pendapat penyelidik ianya perlu diberi perhatian dengan sepenuhnya dalam meningkatkan lagi kemahiran pertuturan pelajar, permasalahan yang ingin dibincangkan dalam kajian ini adalah seperti berikut :

- a) Masalah kosa kata (al-Mufrada:t).
- b) Masalah fonetik (al-Asqwa:t).
- c) Masalah penguasaan struktur (al-Nahw wa al-Sarf).
- d) Masalah berkaitan strategi komunikasi (Istira:ti:jiyyat Ittisqaliyyat).

2.1.3.1 Masalah Kosa Kata (al-Mufrada:t)

Kosa kata atau dengan kata lain perbendaharaan kata merupakan inti dalam sesuatu bahasa. Ia adalah perkara terpenting yang mesti dikuasai dalam sesuatu bahasa samada dalam aspek pertuturan mahupun penulisan. Melalui penguasaan kosa kata yang mantap ianya dapat membantu pelajar untuk mempelajari aspek-aspek lain dengan lebih mudah dan berkesan.

Rahimah Hj. Sabran (1989) menyebut :

"Perbendaharaan kata adalah asas yang penting dalam mewujudkan komunikasi yang berkesan samada komunikasi melalui lisan, tulisan mahupun bacaan. Tanpa pengetahuan perbendaharaan kata yang mencukupi, seseorang itu sukar memahami mesej yang mahu disampaikan oleh penulis."

Muhammad Bukhari Lubis (1998) pula menyebut :

"Perkataan ialah struktur asas membentuk frasa, klausa dan ayat. Biasanya struktur ayat dimulakan dengan unit-unit perkataan terkecil dalam bahasa."

Penguasaan kosa kata yang jitu adalah penting bagi mengatasi permasalahan pembelajaran bahasa Arab dikalangan pelajar Melayu terutamanya bagi aspek pertuturan. Selagi pelajar tidak dapat menguasai kosa-kata dengan mantap maka keberkesanan pembelajaran bahasa Arab sukar untuk diatasi. (Mahmood Farra:j Abd. Hafiz 1991: 117) mengatakan :

"Kosa kata merupakan unsur yang paling penting dalam bahasa Arab dan kebanyakan ahli bahasa menganggapnya (kosa kata) sebagai unsur paling penting. Maksudnya kosa kata merupakan aspek utama yang membolehkan sesuatu ayat itu di fahami samada dalam komunikasi mahupun teks yang di baca."

Antara masalah yang dihadapi pelajar semasa bertutur adalah penguasaan kosa kata yang terbatas ditambah pula dengan sikap yang terdapat dalam diri pelajar seperti malu

untuk bertutur, tidak mempunyai keyakinan diri dan takut sekiranya melakukan kesilapan.

Kekurangan kosa kata adalah merupakan satu masalah yang berkaitan terus dengan pelajar sendiri, ini mungkin keengganan pelajar untuk menghafaz dan mengingat kata atau frasa kata yang telah dipelajari. Mohd. Rozman Bin Abdullah (2003: 5) menyebut :

"Sikap pelajar itu sendiri merupakan faktor yang penting dalam pembelajaran. Sikap malu dan rendah diri amat menebal dikalangan pelajar, khususnya pelajar Melayu untuk cuba bertutur spontan sesama sendiri telah menyebabkan bahasa yang dipelajari tidak digunakan dalam kehidupan seharian, disamping tiada desakan ataupun dorongan kepentingan yang memaksa pelajar menggunakannya".

Menurut Sahabudin Salleh (2003: 80) memang tidak dapat dinafikan bahawa keadaan atau suasana persekitaran tidak banyak membantu pelajar untuk menguasai bahasa yang dipelajari, namun ia tidak boleh dijadikan penghalang untuk pelajar terus mengatasi permasalahan pertuturan ini. Usaha yang sewajarnya perlu dilakukan bagi mengatasi masalah ini.

Mutakhir ini usaha yang dilakukan oleh Radio IKIM untuk mewujudkan persekitaran bahasa Arab merupakan satu usaha yang murni dan perlu diberikan sokongan. Kalau dahulu rancangan Hayya: bi al -‘Arabiyyat (هَيَّا بِالْعَرَبِيَّةِ) dan A:khir al-Anba:’ (أَخِرُ

(الأَنْبَاء) yang menggunakan bahasa Arab tetapi kini program yang menggunakan bahasa Arab telah diperluaskan lagi antaranya Lughtuna: al-Jami:lat (لُعْتُنَا الْجَمِيْلَةُ), Ihda:' (إِهْدَاء) , Duru:s 'Arabiyyat (دُرُوسٌ عَرَبِيَّةٌ) Dunya: Al-atqfa:l (دُنْيَا الْأَطْفَالِ) dan lain-lain.

Usaha ini amat sesuai untuk menambahkan minat orang awam dan pelajar dalam mempelajari bahasa Arab dan menambahkan lagi kosa kata mereka. Dengan wujudnya persekitaran bahasa Arab sebegini, sedikit sebanyak kebolehan bahasa Arab dapat diperbaiki terutamanya dari aspek pertuturan.

Amiruddin Ishak (2003 : 27) mendapati bahawa ramai pelajar yang mempelajari bahasa Arab disebabkan tiada pilihan dan terpaksa. Situasi ini tentulah tidak mendatangkan minat yang mendalam kepada pelajar untuk mempelajari bahasa Arab dan menggunakannya dalam pertuturan. Ini akan membawa kepada kekurangan minat pelajar untuk menggunakan bahasa Arab dalam kehidupan seharian samada disekolah ataupun di rumah.

Bagi mengatasi masalah ketandusan kosa kata, pendidik dan pelajar mestilah sedar tentang kepentingan kosa kata dalam mempelajari sesuatu bahasa. Selain itu pelajar juga hendaklah menguasai sepenuhnya bahagian-bahagian kosa kata yang paling asas seperti kata nama, kata kerja dan partikel di tambah dengan bantuan guru yang mempelbagaikan kaedah pengajaran bahasa Arab supaya pelajar seronok dan bertambah minat terhadap bahasa Arab.

Secara umumnya kosa kata bahasa Arab mengikut ilmu nahu terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu kata nama (الإِسْمُ), kata kerja (الفِعْلُ) dan (الحَرْفُ) partikel. Daripada ketiga bahagian ini terdapat pecahan-pecahannya.

- **Kata Nama (Ism) الإِسْمُ**

" والإِسْمُ هُوَ كَلِمَةٌ دَلَّتْ عَلَى مَعْنَى فِي نَفْسِهَا وَهِيَ تَقْتَرِنُ بِزَمَنِ "

Al-ism ialah kalimah yang menunjukkan makna sesuatu benda dan ia juga tidak mengandungi makna masa".

Kata nama juga adalah kata yang merujuk kepada objek tertentu samada benda, haiwan atau manusia. ‘Abba:s Hassan (1964) pula telah mentakrifkan kata nama sebagai satu kalimah yang menunjukkan dengannya ke atas sesuatu yang berupa objek (yang boleh dilihat, disentuh, dan didengar) seperti rumah, sekolah dan sebagainya ataupun sesuatu yang tidak berupa objek (tidak oleh dilihat disentuh dan didengar) hanya diketahui melalui pemikiran, seperti keberanian dan ketakutan dan dalam kedua keadaan (kata nama) ini tidak berkaitan dengan masa. Antara kata nama boleh dilihat pada contoh berikut :

Katanama (Ism) الإِسْمُ

Terjemahan Bahasa Melayu

مُحَمَّدٌ

Muhammad

| | |
|---------------|--------|
| السَّيَّارَةُ | Kereta |
| أَنَا | Saya |
| هُمْ | Mereka |

Kata nama dalam bahasa Arab pula terbahagi mengikut unsur gender, iaitu (المذكَّرُ) maskulin, dan (المؤنَّثُ) feminin. Unsur ini meliputi kata nama manusia, haiwan dan merangkumi semua kata nama samada kata nama khas ataupun kata nama am. Contoh kata nama berdasarkan pembahagian mengikut gender adalah seperti berikut :

| Katanama Maskulin (المذكَّرُ) | Katanama Feminim (المؤنَّثُ) |
|---------------------------------|--------------------------------|
| مُحَمَّدٌ | فَاطِمَةُ |
| المُعَلِّمُ | المُعَلِّمَةُ |
| هُوَ | هِيَ |

a. Katanama Maskulin (المُذَكَّرُ).

Kata nama dalam bahasa Arab secara umumnya adalah maskulin (المذكَّرُ). Oleh kerana penggunaannya adalah begitu meluas, jadi kata nama maskulin tidak memerlukan sebarang simbol ('Abba:s Hassan 1974: 585). Manakala mengikut pendapat Al-Ghala:yi:niy (1997: 96) kata nama maskulin terbahagi kepada dua bahagian iaitu :

- Maskulin sebenar (المذَكَّرُ الحَقِيقِيُّ) iaitu perkataan maskulin yang menunjukkan maksud manusia atau pun haiwan yang sememangnya menunjukkan maksud maskulin dari aspek semantikanya.
- Maskulin metaforik (المذَكَّرُ المِجَازِيُّ) iaitu kata nama benda yang berperanan sebagai maskulin di dalam frasa atau pun ayat sedangkan pada hakikatnya ia bukanlah menunjukkan maksud maskulin dari aspek semantikanya sahaja.

b. Katanama Feminin (المَوْئَاتُ)

Kata nama feminin ialah kata nama yang menunjukkan makna perempuan bagi manusia dan memberi makna betina bagi haiwan. Feminin jenis ini dikenali sebagai feminin sebenar (المَوْئَاتُ الحَقِيقِيَّةُ), manakala bagi kata nama benda yang dikira dari katagori feminin walaupun tidak memberi makna feminin dinamakan (المَوْئَاتُ). Bagi mengenali kata nama feminin kita boleh perhatikan perkara berikut :

- Setiap kata nama yang diakhiri dengan simbol feminin iaitu ta:' marbu:at
contohnya :

التَّلْمِيذَةُ - Pelajar perempuan

البَقْرَةُ - Lembu betina

- Setiap kata nama yang diakhiri dengan alif yang berupa (ى) tanpa titik dan juga alif mamdu:daṭ (اء) samada perkataan itu sememangnya memberi maksud feminin dari segi semantik ataupun tidak, contohnya :

حَلْوَى - manis/kuih

سَلْوَى - Salwa

حَمْرَاءُ - merah

صَحْرَاءُ - padang pasir

Manakala bagi nama orang lelaki yang berakhir dengan ta:’ marbut ت dianggap sebagai kata nama feminin secara lafaz sahaja bukan dari segi semantik. Oleh yang demikian sesuatu ayat itu kekal diserasikan dengan unsur maskulin. Contohnya kata nama أَسَامَةُ .

- **Kata Kerja (الفِعْلُ)**

" وَالْفِعْلُ هُوَ كَلِمَةٌ دَلَّتْ عَلَى مَعْنَى فِي نَفْسِهَا وَاقْتَرَبَتْ بِزَمَنِ "

(Kalimah yang menunjukkan kepada sesuatu makna dengan sendirinya dan ia berkait dengan masa).

Kata kerja adalah merujuk kepada perlakuan atau perbuatan, dalam bahasa Arab kata kerja terbahagi kepada berikut :

a) Kata Kerja Lampau (الفِعْلُ الْمَاضِي)

هُوَ مَا دَلَّ عَلَى حُدُوثِ شَيْءٍ قَبْلَ زَمَانِ التَّكَلُّمِ مِثْلُ: دَرَسَ

"Adalah merujuk kepada sesuatu perbuatan yang berlaku sebelum masa percakapan. Contohnya *darasa* دَرَسَ (Dia telah belajar)".

b) Kata Kerja Kala Kini (الفِعْلُ الْمَضَارِعُ)

هُوَ مَا دَلَّ عَلَى حُدُوثِ شَيْءٍ فِي زَمَانِ التَّكَلُّمِ أَوْ بَعْدِهِ مِثْلُ: أُدْرُسُ

"Adalah merujuk kepada perbuatan yang sedang berlaku semasa percakapan atau selepasnya." Contohnya أُدْرُسُ (Saya sedang belajar)".

c) Kata Kerja Perintah (فِعْلُ الْأَمْرِ)

هُوَ مَا يَطْلُبُ حُدُوثَ شَيْءٍ بَعْدَ زَمَنِ التَّكَلُّمِ مِثْلُ: اُدْرُسْ

"Adalah merujuk kepada permintaan melakukan sesuatu(perintah) selepas masa berlaku percakapan. Contohnya اُدْرُسْ (Awak belajarlah)".

• Partikel (الْحَرْفُ)

"كَلِمَةٌ دَلَّتْ عَلَى مَعْنَى فِي غَيْرِهَا"

"Kalimah yang membawa makna sekiranya beserta dengan kalimah lain".

Partikel adalah kata yang tidak merujuk kepada perkara-perkara yang disebut terdahulu iaitu perbuatan dan kata nama. Ia digunakan untuk menyempurnakan sesebuah ayat. Ia juga mempunyai fungsi tersendiri yang penting untuk melengkapkan makna di dalam sesebuah ayat. Contoh partikel adalah seperti berikut :

البَاءُ : dengan

اللَّامُ : untuk / bagi

الْوَاوُ : demi/dan

مِنْ : dari

Partikel yang terdapat dalam bahasa Arab tidak jauh berbeza dengan partikel bahasa Melayu (BM) atau bahasa Inggeris (BI). Partikel bahasa Arab tidak mengalami perubahan seperti yang berlaku kepada kata nama dan kata kerja. Oleh itu penguasaan partikel lebih mudah jika dibandingkan dengan kata nama atau kata kerja. Apa yang penting pelajar-pelajar hendaklah mengetahui dan memahami maknanya dan padanan penggunaan yang sesuai dengan ayat. Untuk menguasainya pelajar perlulah membiasakan diri dengan bahan-bahan berbahasa Arab di samping sentiasa menggunakannya.

Penyelidik berpendapat bahawa masih ada ruang untuk meningkatkan lagi penguasaan kosa kata pelajar walaupun permasalahan kosa kata seringkali disebut oleh guru-guru antara masalah utama pelajar tidak dapat menguasai bahasa Arab seperti yang dikemukakan dalam hasil kajian Saifuddin Hussin (2002) bahawa tahap penguasaan perbendaraan kata bahasa Arab pelajar masih lemah. Bagi meningkatkan lagi penguasaan kosa-kata di kalangan pelajar semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing, iaitu :

- a) Kesungguhan guru.
- b) Kesungguhan pelajar.
- c) Pendekatan dan kaedah yang digunakan.
- d) Suasana (*البيئة*) bahasa Arab.
- e) Pemantauan dan sokongan pihak berwajib seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Jemaah Nazir dan pentadbiran sekolah.
- f) Bahan pengajaran seperti buku teks dan bahan bantu lain.

2.1.3.2 Masalah Fonetik (Al-As \square wa:t)

Menurut Kamus Linguistik (1997: 75) fonetik bermaksud :

"Pengkajian tentang bunyi yang dihasilkan oleh manusia, iaitu bunyi bahasa, bunyi bukan bahasa, bunyi pinggiran, dan pengkajian itu meberikan lambang fonetik untuk bunyi-bunyi tersebut . Pengkajian ini terbahagi kepada tiga

cabang iaitu fonetik pendengaran, fonetik akustik dan fonetik artikulasi."

(Kamus Linguistik 1997: 75).

Dalam hal ini jika dirujuk kepada fonetik bahasa Arab ianya amat kompleks jika dibandingkan dengan fonetik bahasa-bahasa lain seperti BM, tidak hairanlah masalah sebutan huruf (fonetik) memang tidak asing lagi di kalangan pelajar Melayu ketika mereka bertutur dalam bahasa Arab. Ini adalah disebabkan oleh faktor psikologi di mana mereka memperolehi bahasa ibunda yang jauh berbeza dengan bahasa Arab sama dari sudut huruf, bunyi, makna dan sebagainya. Selain itu perbezaan bunyi huruf bahasa Arab jika dibandingkan dengan bahasa Melayu juga merupakan faktor yang membawa kepada permasalahan fonetik ini.

Secara umum, terdapat dua kategori bunyi dalam pembelajaran bertutur bahasa Arab yang perlu diambil berat oleh pelajar iaitu :

- a) Bunyi yang terdapat dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab iaitu ر، ز، س، ك، ل، م .
أ، ب، ت، ج، د، ن، و، ه، ي .
- b) Bunyi yang terdapat dalam bahasa Arab dan tidak terdapat dalam bahasa Melayu iaitu، ح، خ، ذ، ش، ض، ط، ظ، ع، غ، ق .

Shabudin bin Salleh (2003) menyebut bahawa dalam aspek fonologi kebanyakan pelajar gagal menyebut fonem dan bunyi bahasa dengan betul disebabkan terdapat banyak fonem-fonem yang hampir sama bunyinya samada dari segi sifat atau tempat

artikulasinya atau dengan lain perkataan, kedudukan makhraj yang hampir sama antara satu bunyi dengan bunyi yang lain.

Mustafa Raslan (1986: 36) menyebut antara kesukaran yang sering di hadapi oleh pelajar dalam aspek sebutan adalah perbezaan bunyi, antara contoh yang diberikan seperti dalam (Md. Taha Arifin 1995: 40) adalah seperti berikut :

- a) *Hamzat* (ء) kadang - kadang ditukarkan kepada 'ayn (ع) seperti أَنَا disebut عَنَا.
- b) 'Ayn (ع) kadang - kadang ditukarkan kepada hamzat (ء) seperti عَقْلٌ disebut أَكَلٌ.
- c) *H*□□□' (ح) kadang - kadang ditukarkan kepada *ha:*' (هـ) seperti هَجٌّ disebut حَجٌّ .
- d) *D*□□□:□ (ض) kadang - kadang ditukarkan kepada *z*□□□' (ظ) seperti ضَرْبٌ disebut ظَرْبٌ.
- e) *Z*□□□' (ظ) kadang-kadang ditukarkan kepada *za:y* (ز) seperti ظَاهِرٌ disebut زَاهِرٌ
- f) *Shi:n* (ش) kadang-kadang ditukar kepada *si:n* (س) seperti شَهَدٌ disebut سَهَدٌ .
- g) *Qa:f* (ق) kadang-kadang ditukar kepada *ka:f* (ك) seperti عَقْلٌ disebut عَكَلٌ .
- h) *Ha:*' (هـ) kadang-kadang ditukar kepada *h*□□□' (ح) seperti هَرْبٌ disebut حَرْبٌ .
- i) *S*□□□:□ (ص) kadang-kadang ditukar kepada *si:n* (س) seperti صَبْرٌ disebut سَبْرٌ .
- j) *Tha:*' (ث) kadang-kadang ditukar kepada *si:n* (س) seperti مِثَالٌ disebut مِسَالٌ .

Muhamad Kasha:s (1998: 51) pula menyatakan bahawa kesilapan dalam penyebutan bahasa Arab adalah disebabkan oleh beberapa perkara, iaitu :

- a) Penggantian fonem dengan fonem yang hampir sama : صَائُونَ dan سَائُونَ .
- b) Penggantian fonem dengan fonem yang lain, seperti : اِشْتَرَى dan اِجْتَرَى .
- c) Penukaran tempat fonem-fonem dalam sesuatu perkataan, seperti : طَرْمَانٌ kepada طَأْمَنٌ .
- d) Mendahulukan fonem terhadap fonem lain, seperti : المُرْتَبَانِ pada المُرْتَبَانِ .

Selain daripada permasalahan yang disebabkan oleh makhraj (مَخْرَج) sesuatu huruf yang hampir, permasalahan fonetik juga dapat di perhatikan dalam perkara- perkara yang berikut :

- a) Memendekkan bunyi yang panjang.
- b) Memanjangkan bunyi yang pendek.
- c) Menggunakan bunyi kemelayuan seperti (صَدَقَةٌ) disebut (سَدَقَةٌ).
- d) Membariskan hamzaʼ wasal di pertengahan ayat.

Selanjutnya (Mohd. Phuzi Usop 2002: 55) telah menyenaraikan antara sebab pelajar bahasa asing menghadapi permasalahan dalam aspek fonetik bahasa Arab ketika bertutur, adalah berikut :

- a) Sebutan huruf yang hampir makhrajnya ح ه ع .
- b) Sebutan huruf yang hampir sama sifatnya ت ط ص س ك ق .

- c) Huruf - huruf yang ditukar sebutannya kepada huruf yang selepasnya seperti huruf yang berada selepas alif la:m al-shamshiyat (الشَّمْشِيَّةُ) iaitu الشَّجَرَةُ walaupun dalam transliterasi di tulis al-shajarat tetapi sebutannya adalah as-shajarat.
- d) Terdapat al-tad'i:f (التَّضْعِيفُ) iaitu perkataan berganda. Contohnya : مَدَّ ، قَدَّمَ .
- e) Berhenti menyebut sesuatu bunyi ketika waqaf seperti :
- i) بُرْتُقَالُ ii) طَالِيَةٌ
- f) Terdapat huruf ditulis tapi tidak disebut dan disebut tapi tidak ditulis seperti, هَذَا هَذِهِ ذَلِكَ طَهُ .
- g) Perkataan berakhir dengan alif maqsūrat seperti سَلَمَى مُصْطَفَى حَلْوَى .

Berdasarkan kepada permasalahan dan kesilapan sebutan (fonetik) di kalangan pelajar Melayu seperti yang diutarakan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu, sudah pastinya kita ingin mengatasi segala permasalahan tersebut seterusnya meningkatkan kemahiran pertuturan pelajar. Bagi meningkatkan kemahiran sebutan (fonetik) bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu, mereka mestilah didedahkan terlebih dahulu dengan fonem yang terdapat dalam bahasa Arab secara lebih mendalam samada dari segi sifat mahupun cara sebutannya. Fonem ialah unit sifat bunyi yang membezakan erti dan ia merupakan sebahagian daripada sistem struktur bahasa yang tertentu.

Secara umumnya terdapat dua bahagian fonem dalam bahasa Arab, iaitu fonem vokal dan fonem konsonan. Fonem vokal dalam bahasa Arab terdapat enam fonem keseluruhannya iaitu fonem vokal asas sebanyak tiga dan selebihnya adalah fonem vokal cabang. Berikut adalah pembahagian fonem dalam bahasa Arab :

a) Fonem Vokal Asas

- Baris atas فَتْحَةٌ (*Fathat*) yang disimbolkan dengan /a/ bagi vokal pendek dan /a:/ bagi vokal panjang.
- Baris depan ضَمَّةٌ (*Dammāt*) yang disimbolkan dengan /u/ bagi vokal pendek dan /u:/ bagi vokal panjang.
- Baris bawah كَسْرَةٌ (*Kasrat*) yang disimbolkan dengan /i/ bagi vokal pendek dan /i:/ bagi vokal panjang.

b) Fonem Vokal Cabang

- *Alif Tafkhi:m* (ia merupakan baris atas yang datang bersama fonem- fonem yang bersifat itba:q iaitu [s], [d],[t], [ð] dan disimbolkan dengan /æ/.
- *Alif Muma:la:t* (dalam bacaan al-Quran disebut ima:lat) dengan menggunakan simbol / o / seperti هدى (hudO).
- *Kasrat Mushammāt* (iaitu baris di antara dengan baris bawah dengan baris depan dengan menggunakan simbol [ə] seperti baris [q] pada perkataan قِيلَ (qə:la).

c) Fonem Konsonan

Manakala fonem konsonan dalam bahasa Arab berjumlah 28 fonem konsonan kesemuanya yang terbahagi kepada empat bahagian besar yang dapat diperhatikan seperti berikut :

- *Bunyi letupan* yang berjumlah 8 fonem iaitu : /ء/ [ʔ], /ب/ [b], /ت/ [t], /د/ [d], /ض/ [dʒ], /ط/ [tʃ], /ق/ [q], /ك/ [k].

- *Bunyi geseran* sebanyak 13 fonem iaitu /ث/ [θ], /ح/ [h], /خ/ [χ], /ذ/ [dʒ], /ز/ [z], /س/ [s], /ش/ [ʃ], /ص/ [sʒ], /ظ/ [ðʒ], /ع/ [ʕ], /غ/ [ɣ], /ف/ [f], /ه/ [h].

- *Bunyi Geluncur* sebanyak 6 fonem iaitu /ر/ [r], /ي/ [j], /م/ [m], /ن/ [n], /و/ [w], /ل/ [l].

- *Bunyi letusan*. /ج/ [dʒ].

Tidak dapat dinafikan masalah fonetik merupakan antara masalah utama bagi penutur asing untuk bertutur dalam bahasa sasaran, begitu juga dalam bahasa Arab terdapat beberapa fonem yang agak asing dan sukar bagi penutur asing. Mahjub (1989: 24) menyenaraikan terdapat 9 fonem konsonan bahasa Arab yang menyukarkan pelajar-pelajar asing untuk menyebutnya iaitu : ح خ ص ض ط ظ ع غ ق. Hal ini diperkuatkan dengan kenyataan berikut :

"Bahasa Arab adalah bahasa yang sukar sebutannya berbanding dengan bahasa-bahasa lain kepada bukan penutur Arab dalam pembelajarannya. Ini adalah merupakan sesuatu yang sudah diketahui. Maka fonem-fonem yang keluar daripada al-halq dan hujung al-hank semuanya merupakan fonem-fonem yang sukar kepada bukan Arab dalam penyebutannya. (Kama:l Bisyr 2003: 179).

Huruf la:m (ل) dan ra:' (ر) juga menurut Mah□u:b (1989: 240) merupakan fonem kosonan yang sukar bagi penutur asing ini kerana sifat kedua-dua fonem tersebut yang khusus iaitu tarqi:q dan tafkhi:m.

2.1.3.3 Masalah Penguasaan Struktur (Al-Nahw Wa Al-Sorf)

Sebelum meninjau tentang permasalahan struktur nahu yang dihadapi oleh pelajar Melayu, penyelidik ingin membincangkan secara ringkas tentang apakah yang dimaksudkan dengan ilmu nahu, mengikut kamus linguistik nahu dalam bahasa Melayu disebut sebagai tatabahasa adalah bermaksud :

"Penyataan umum tentang sifat-sifat nalar dan tak nalar yang terdapat dalam bahasa. Contohnya tatabahasa tradisional, tatabahasa preskriptif, tatabahasa formal, dan tatabahasa transformasi generatif." (Kamus linguistik 1997: 212)

Ilmu nahu yang juga dikenali sebagai ilmu tatabahasa juga dapat difahami sebagai satu peraturan, sistem atau undang-undang dalam membentuk sesuatu bahasa ataupun ayat.

Tanpa ilmu ini seseorang tidak mungkin untuk membentuk ayat seterusnya tidak mungkin akan dapat bertutur dengan baik.

Mempelajari ilmu nahu adalah amat penting dalam pembelajaran bahasa Arab kerana dengan ilmu ini pelajar dapat membaiki tahap pertuturan mereka kepada lebih baik dan dapat memahami makna sesuatu ayat dengan lebih tepat. Hal ini diperkuatkan oleh Ibnu Khaldun dalam bukunya Muqaddimah Ibnu Khaldun yang menyebut tentang pentingnya ilmu nahu dan ia merupakan cabang ilmu yang terpenting, dan ia diibaratkan sebagai hati jika diandaikan dengan tubuh manusia. (Muqaddimah Ibnu Khaldun t.t: 5450)

Dalam mempelajari ilmu nahu terdapat beberapa objektif yang hendak dicapai. Antara objektif mempelajari ilmu nahu mengikut (Naif Ma'ru:f t.t: 33) dan (Mustafa Yusof 1989: 13) adalah seperti berikut :

- i) Menyelami ilmu nahu bagi mengelakkan kesalahan bahasa Arab serta menyelamatkannya daripada penyelewengan orang-orang yang tidak bertanggungjawab.
- ii) Mengetahui kedudukan nahu dalam sistem bahasa Arab yang mana ianya berperanan untuk mengungkapkan bahasa mengikut keadaan dan suasana.
- iii) Menghayati hubungan erat yang terbentuk di antara nahu dengan bidang bahasa lain sehingga memenuhi fungsi bahasa sebenar.

- iv) Memahami serta menguasai maksud yang ingin disampaikan oleh penutur atau penulis.
- v) Melatih pelajar-pelajar menggunakan bahasa Arab dengan tepat dan sesuai dengan taraf pemikiran dan tahap pengajian mereka.
- vi) Meningkatkan kemampuan pelajar untuk mengkritik kesalahan-kesalahan yang dilakukannya sama ada melalui bacaan mahupun pendengaran, serta berkemampuan untuk memperbetulkan kesalahan tersebut.
- vii) Menambahkan perbendaharaan kata kepada pelajar-pelajar melalui petikan-petikan, latihan-latihan serta ujian-ujian yang dipertanggungjawabkan kepada pelajar.
- ix) Mengembangkan daya pemikiran pelajar melalui pembelajaran mereka, iaitu semasa membuat analisa, menyusun, membuat kesimpulan atau membuat perbandingan.

Menyedari tentang pentingnya dan luasnya ilmu nahu dalam pembelajaran bahasa Arab, penyelidik berpendapat sudah tentu terdapat permasalahan-permasalahan yang ditempuhi oleh pelajar berkaitan ilmu nahu atau struktur bahasa Arab ini samada dalam aspek pertuturan mahupun penulisan.

Menurut Mustafa Raslan antara masalah yang sering dihadapi oleh pelajar Melayu dalam pembelajaran bahasa Arab ialah penguasaan struktur ayat. Antara contoh yang dipetik Mohd Taha Ariffin (1995: 41) :

- a) Perbezaan antara maskulin (الْمَذْكَرُ) dan (الْمَوْثُ) feminin.
- b) Penggunaan kata dua (مُثَنَّى) dan kata jamak (جَمْع).
- c) Ganti nama (ضَمِيرٌ).
- d) Penggunaan kata kerja lampau (الْفِعْلُ الْمَاضِي) kala kini (الْفِعْلُ الْمَصْرُوعُ) dan suruhan (فِعْلُ الْأَمْرِ).
- e) Penggunaan partikel (الْحَرْفُ).
- f) Penggunaan kata nakirat dan ma'rifat (النَّكِيرَةُ وَالْمَعْرِفَةُ).
- g) Penggunaan kata tunjuk (اِسْمُ الْإِشَارَةِ).
- h) Kesukaran untuk memulakan ayat dengan kata kerja (الْجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ).

Masalah penguasaan struktur ini terjadi disebabkan pelajar terlalu membandingkan antara struktur bahasa Arab dengan bahasa ibunda. Pengaruh bahasa ibunda sering membayangi pemikiran pelajar semasa mereka membina ayat untuk bertutur ataupun menulis. Hal ini seiring dengan masalah pembelajaran bahasa yang diketengahkan oleh Robert Lado dan di sokong oleh Henry Guntur (1988: 95) dengan kenyataannya :

"kebanyakan kesukaran yang dihadapi oleh pelajar ketika mempelajari bahasa kedua adalah berpunca daripada pengaruh bahasa ibunda."

Sememangnya pengaruh bahasa ibunda sentiasa menghambat pelajar dalam mempelajari bahasa asing atau bahasa kedua, justeru satu usaha yang berterusan mestilah dilakukan samada di kalangan guru, kerajaan dan pelajar.

Selanjutnya penyelidik menyenaraikan beberapa struktur asas bahasa Arab secara ringkas dan sentiasa menjadi masalah kepada pelajar Melayu seperti yang disenaraikan oleh Mohd. Taha Ariffin (1995: 41), struktur yang disebut oleh penyelidik ini adalah yang tidak disentuh pada pada bahagian lain untuk mengelakkan pertindihan maklumat, antara struktur nahu yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

- **Kata Duaan (مُثْنَى) dan Kata Jamak (جَمْع)**

Kata duaan dalam bahasa Arab dapat kita fahami melalui takrifan berikut :

المُثْنَى : إسمٌ مُعْرَبٌ نَابٍ عَنِ مُفْرَدَيْنِ اتَّفَقَا لَفْظًا وَمَعْنَى بِيَاذَةِ أَلْفٍ وَنُونٍ أَوْ يَاءٍ وَنُونٍ , وَكَانَ صَالِحًا لِتَجْرِيدِهِ مِنْهُمَا.

Kata duaan adalah merujuk kepada kata nama mu'rab yang menunjukkan dua benda yang selari pada pada lafaz dan makna dengan penambahan ali:f dan nu:n atau ya:' dan nu:n pada akhir perkataan" seperti :

كِتَابَانِ / كِتَابَيْنِ

(dua buah buku)

مُحَمَّدَانِ / مُحَمَّدَيْنِ

(dua Muhammad)

سَيَّارَتَانِ / سَيَّارَتَيْنِ

(dua buah kereta)

Manakala kata jamak (جَمْع) dalam bahasa Arab pula dapat kita fahami daripada takrifan berikut :

الْجَمْعُ : إِسْمٌ نَابٍ عَنْ ثَلَاثَةٍ فَأَكْثَرَ، بَرِيَادَةٍ فِي آخِرِهِ ، مِثْلُ : "كَاتِبِينَ وَكَاتِبَاتٍ" أَوْ تَغْيِيرٍ فِي بِنَائِهِ ، مِثْلُ : "رِجَالٍ وَرِجَالٍ وَعُلَمَاءٍ" وَهُوَ قِسْمَانِ : سَالِمٌ وَ مُكَسَّرٌ.

" Kata jamak adalah perkataan/kata nama yang menunjukkan bilangan tiga atau lebih dengan penambahan pada akhir kalimah seperti كَاتِبِينَ وَكَاتِبَاتٍ atau perubahan pada akhir kalimah seperti رِجَالٌ وَرِجَالٌ وَعُلَمَاءٌ . Kata jamak terbahagi kepada dua bahagian iaitu sa:lim dan mukassir". (Mustafafa Al-Ghala:yi:niy, 1986: bahagian 2: 16).

a) Kata Jamak Sa:lim iaitu :

- Mudhakkar Sa:lim (مُدَّكَّرٌ سَالِمٌ)

Jamak mudhakkar sa:lim adalah kata jamak bagi maskulin yang membawa makna lebih daripada dua dengan penambahan huruf wa:w dan nu:n atau ya:' dan nu:n seperti المسلمون muslimu:n (orang-orang Islam lelaki) dan المسلمین muslimi:n. Kata jamak ini adalah ditujukan kepada yang berakal.

- Muannas Sa:lim (مُؤَنَّثٌ سَالِمٌ)

Adalah kata jamak bagi feminin yang memberi makna lebih daripada dua dengan penambahan huruf ali:f (ا) dan ta:' (ت) seperti الْمُسْلِمَاتُ dan ianya juga ditujukan kepada yang berakal.

b) Kata Jamak Mukassir iaitu :

- (Taksir) جَمْعُ تَكْسِيرٍ

Adalah kata jamak yang bentuknya lain daripada di atas, ianya membawa makna lebih daripada dua dengan berlakunya perubahan pada bentuk kata tunggalnya seperti أَقْلَامٌ (kata jamak pen) dan رِجَالٌ (pemuda-pemuda). Ianya boleh berlaku kepada yang berakal ataupun tidak berakal.

- Ganti Nama (ضَمِيرٌ)

Ganti nama kebiasaan digunakan sebagai menggantikan diri samada gantinama pertama, kedua ataupun ketiga. Dalam bahasa Arab terdapat perbezaan yang nyata pada ganti nama jika dibandingkan dengan bahasa Melayu, gantinama dalam bahasa Arab dapat difahami daripada takrifan berikut :

الضَّمِيرُ : مَا يُكْنَى بِهِ مُكَلَّمٌ أَوْ مُخَاطَبٌ أَوْ غَائِبٌ، فَهُوَ قَائِمٌ مَقَامَ يُكْنَى بِهِ عَنْهُ، مِثْلَ "أَنَا وَ أَنْتَ وَ هُوَ، وَ كَالْتَاءِ مِنْ " كَتَبْتَ وَ كَتَبْتِ، وَ كَالْوَاوِ مِنْ يَكْتُبُونَ".

Ganti nama merujuk kepada gelaran/gentian kepada orang yang bercakap (*mutakallim*) mendengar (*mukha:tāb*), atau orang yang tiada semasa berlaku percakapan *gha:'ib*. dan ianya adalah gelaran bagi setiap berikut contohnya أَنَا، أَنْتَ huruf ta:' pada كَتَبْتُ، كَتَبْتِ dan huruf wa:w pada يَكْتُبُونَ . Ganti nama terbahagi kepada beberapa bahagian, seperti berikut :

a) **Gantinama Jelas (ضَمِيرٌ بَارِزٌ)**

Dāmi:r ba:riz (ضَمِيرٌ بَارِزٌ) adalah ganti nama yang didapati pada tulisan ataupun sebutan ia terbahagi kepada dua iaitu :

- Gantinama bersambung (ضَمِيرٌ الْمُتَّصِلِ)

Gantinama bersambung adalah gantinama yang berhubung dengan akhir sesuatu kata samada kata nama, kata kerja atau kata sendi. Gantinama jenis ini boleh berlaku pada tempat rafa' (normative), nasab (aksuatif) dan jar (genetif). Ianya berbentuk morfem bebas yang boleh digunakan di awal ayat ataupun di awal perkataan, contohnya :

1) دَرَسْتُ (saya telah belajar)

2) دَرَسَا (dia berdua telah belajar)

3) دَرَسُوا (mereka telah belajar)

- Gantinama terpisah (ضَمِيرٌ الْمُتَفَصِّلِ)

Adalah gantinama yang tidak berhubung dengan kata lain dan ianya adalah bersendirian. Gantinama jenis ini kadang-kadang berlaku pada keadaan rafa' (normative) atau nasb (aksuatif) dan tidak berlaku pada tempat jar (genetif). Dhami:r munfasil ini mengandungi 24 gantinama, iaitu 12 gantinama normative (dama:i'r marfu:'at) dan 12 gantinama aksuatif (dama:i'r mansu:bat). (Musqafa Al-Ghala:yi:niy, 1986: 119). Ianya terdiri daripada :

- Dhami:r Mutakallim (gantinama pertama)
- Dhami:r Mukha:tab (gantinama kedua)
- Dhami:r Gha:'ib (gantinama ketiga)

b) Gantinama Tersembunyi (ضَمِيرُ الْمُسْتَتِرِ)

Dhami:r mustatir (ضَمِيرُ الْمُسْتَتِرِ) adalah dhami:r yang tersembunyi dan tidak dizahirkan samada dari segi tulisan mahupun sebutan. Contohnya seperti : **إِذْهَبْ إِلَى الْمَدْرَسَةِ**.

Berdasarkan contoh di atas berlaku (fa:'il) bagi kata kerja ini adalah dhami:r mustatir (gantinama tersembunyi) yang merujuk kepada gantinama kedua iaitu awak (أَنْتَ). Mengikut pendapat Abdul Hamid Al-Sayed Talab (1976: 58) pula dhami:r mustatir adalah gantinama yang tidak jelas dari aspek sebutannya seperti dhami:r أَنْتَ (awak) yang tersembunyi pada perkataan **قُمْ** (awak bangunlah) dan seperti dhami:r أَنَْا yang tersembunyi dalam perkataan **أَقُومُ** (saya bangun).

- **Al-Nakiraṭ dan Al-Ma‘rifat** (النَّكِيرَةُ وَالْمَعْرِفَةُ)

Kata nama dalam bahasa Arab boleh dalam keadaan al-ma‘rifat (المَعْرِفَةُ) ataupun al-nakiraṭ (النَّكِيرَةُ). Al- ma‘rifat adalah merujuk kepada kata nama yang merujuk kepada sesuatu yang tertentu seperti Ali, Ahmad, Fatimah dan sebagainya. Manakala al-nakiraṭ pula tidak menunjukkan kepada sesuatu yang tertentu. Takrifannya keduanya dapat dilihat daripada takrifan berbahasa Arab seperti di bawah.

النَّكِيرَةُ : إِسْمٌ دَلَّ عَلَى غَيْرِ مُعَيَّنٍ : كَرَجُلٍ وَكِتَابٍ وَمَدِينَةٍ.

Al- nakiraṭ adalah kata nama yang tidak menunjukkan kepada sesuatu yang tertentu seperti, lelaki, buku, Madinah." Manakala al-ma‘rifat pula dapat difahami pengertiannya daripada takrifan berikut :

المَعْرِفَةُ : إِسْمٌ دَلَّ عَلَى مُعَيَّنٍ : كَعُمَرَ وَدِمَشْقَ وَ أَنْتَ .

Al-ma‘rifat adalah kata nama yang menunjukkan kepada sesuatu seperti ‘Umar , Damsyik, awak". Al-ma‘rifat dalam bahasa Arab terbahagi kepada enam jenis mengikut al-Sayed Ahmad al-Ha:shimiy 1354h : 77 seperti berikut :

- a) Ganti nama seperti أَنَا (saya) هُوَ (dia) هُمْ (mereka) dan sebagainya.
- b) Kata tunjuk seperti ذَلِكَ ، هَذَا ، هَذِهِ ، هَذَانِ ، ذَلِكَ dan sebagainya.
- c) Partikel relatif الَّذِي ، الَّتِي ، الَّذَانِ ، الَّتِي dan sebagainya.

d) Kata nama yang mempunyai *alif la:m* seperti **الْمَدْرَسَةُ، السَّيَّارَةُ، الْبَقْرَةُ**.

e) Nama khas seperti **مُحَمَّدٌ، فَاطِمَةٌ، أَبُو بَكْرٍ**.

f) Kata nama yang disandarkan kepada makrifah seperti **كِتَابِي، سَيَّارَتُكَ، بَيْتُهُمْ**.

- **Kata Tunjuk (إِسْمُ الْإِشَارَةِ)**

Kata tunjuk adalah merujuk kepada kata yang digunakan bagi menunjukkan kepada sesuatu samada dekat ataupun jauh seperti ini, itu dan sebagainya. Secara jelas kita dapat amati takrifannya melalui berikut :

مَا يَدُلُّ عَلَى مُعَيَّنٍ بِوَاسِطَةِ إِشَارَةٍ حِسِّيَّةٍ بِالْيَدِ وَنَحْوِهَا إِنْ كَانَ الْمِشَارُ إِلَيْهِ حَاضِرًا أَوْ إِشَارَةً مَعْنَوِيَّةً إِذَا كَانَ الْمِشَارُ إِلَيْهِ مَعْنَى أَوْ ذَاتًا غَيْرَ حَاضِرَةٍ .

Kata tunjuk (إِسْمُ الْإِشَارَةِ) menunjukkan kepada sesuatu dengan perantaraan isyarat pancaindera seperti tangan dan seumpamanya sekiranya benda yang ditunjukkan ada semasa percakapan ataupun menunjukkan sesuatu secara ma'nawi sekiranya benda yang ditunjuk tiada semasa percakapan samada dari segi makna ataupun zat(benda)."

Al-Fa:kihiy Syeikh Abdullah Ibnu Ahmad Al-Fawa:kih (1351: 32) pula mentakrifkan kata tujuk adalah perkataan yang digunakan ke atas sesuatu pada masa mengisyaratkan kepadanya samada berakal atau tidak berakal, kata tunjuk tunggal adalah **ذَا** pada tempat rafa', nasb dan jar manakala kata tunjuk duaan adalah **ذَانِ** pada ketiga tempat tersebut dan kata tunjuk jamak adalah **أُولَاءِ** dan **أُولَئِكَ**.

Kata tunjuk secara umumnya terbahagi kepada dua iaitu kata tunjuk bagi objek yang dekat dan kata tunjuk bagi objek yang jauh. Kata tunjuk bagi objek yang dekat adalah seperti هَذَا، هَذَانِ، هَذِهِ، هَاتَانِ، هَؤُلَاءِ، هَؤُلَاءِ. Manakala kata tunjuk objek yang jauh pula adalah seperti ذَلِكَ، ذَانِكَ dan أُولَئِكَ dan bagi feminin pula disebut ، تَانِكَ تِلْكَ dan أُولَئِكَ . Antara contoh ayat yang menggunakan kata tunjuk adalah seperti berikut :

هَذَا أَبِیْ - Ini ayah saya

تِلْكَ سَيَّارَةُ أَبِي - Itu kereta ayah saya

- **جُمْلَةُ الْإِسْمِيَّةِ (الْجُمْلَةُ الْإِسْمِيَّةُ) Dan Ismiyyat (الْجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ) Fi'liyyat**

Pola ayat dalam bahasa Arab pada asasnya terbahagi kepada dua jenis iaitu jumlat ismiyyat (الْجُمْلَةُ الْإِسْمِيَّةُ) dan jumlat fi'liyyat (الْجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ) ianya mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan mesti dikuasai oleh pelajar bahasa Arab. Jumlat ismiyyat merujuk kepada ayat yang didahului dengan kata nama. Kata nama tersebut boleh berbentuk tunggal (مُفْرَدٌ) nama khas (الْمَعْرِفَةُ) kata duaan (مُثَنَّى) kata jamak (الْجَمْعُ) maskulin (الْمَدْكُرُ) dan feminin (الْمَوْنَّثُ) . Bagi mendalami maksud jumlat ismiyyat dan jumlat fi'liyyat boleh merujuk kepada takrifan berikut :

الْجُمْلَةُ الْإِسْمِيَّةُ : هِيَ الَّتِي تَبْدَأُ بِاسْمٍ أَوْ صَمِيرٍ مِثْلُ: الْعِلْمُ نُورٌ

"Jumlat ismiyyat merujuk kepada ayat yang dimulakan dengan isim (kata nama) ataupun dimulakan dengan d_{ami:r} (ganti nama)" seperti الْعِلْمُ نُورٌ (ilmu adalah cahaya).

Manakala jumlat fi'liyyat adalah merujuk kepada ayat yang dimulai dengan kata perbuatan. Perbuatan yang dimaksudkan boleh berupa kala lepas, kala kini, akan datang ataupun perintah samada berbentuk mufrad (kata tunggal), muthanna (kata duaan) ataupun kata jamak dalam keadaan feminin ataupun maskulin. Takrifan bagi jumlat fi'liyyat dapat difahami daripada takrifan berikut :

الْجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ : وَهِيَ الَّتِي تَبْدَأُ بِفِعْلٍ مِثْلُ : حَضَرَ الطَّالِبُ

"Jumlat fi'liyyat merujuk kepada ayat yang dimulakan dengan fe'el (perbuatan) seperti ayat : حَضَرَ الطَّالِبُ (Pelajar lelaki telah hadir)."

Melalui contoh di atas permulaan ayat adalah dengan perbuatan (fa:'il) iaitu "telah hadir". Penyelidik mengutarakan secara ringkas tentang bahagian struktur bahasa Arab yang selalu pelajar tempuhi. Berdasarkan kajian-kajian sarjana terdahulu penyelidik dapat simpulkan antara sebab timbulnya masalah dalam struktur (nahu) bahasa Arab adalah :

- a) Kelemahan kaedah dan sistem pengajaran nahu.
- b) Sistem i'ra:b (fleks) dan 'a:mil yang menyulitkan.
- c) Terdapat banyak perselisihan pendapat berkaitan ilmu nahu.

d) Teknik penulisan dan penyusunan nahu yang tidak sistematis.

Oleh yang demikian guru-guru perlu bijak dalam menerangkan struktur bahasa Arab kepada pelajar supaya pelajar tidak terkeliru dan menjadi bosan dengan sifat struktur bahasa Arab yang kompleks dan jauh berbeza daripada struktur bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Melayu.

2.1.3.4 Masalah Berkaitan Strategi Komunikasi (*Istira:tijjiyyat* *Ittisa:liyat*)

Strategi komunikasi merupakan satu tindakan atau usaha yang dilakukan oleh penutur dengan sengaja terutama ketika bertutur dalam bahasa kedua apabila ia mengalami gangguan bahasa samada kerana penutur ketiadaan sumber bahasa atau penutur menganggap pendengar tidak boleh memahami struktur bahasanya. Dalam hal ini, penutur mungkin memilih untuk meninggalkan mesej tersebut atau meneruskan ujarannya dengan menggunakan alternatif lain dalam komunikasinya

Berdasarkan pemerhatian daripada pertuturan pelajar yang telah dijalankan oleh penyelidik terdapat beberapa masalah yang dihadapi berkaitan dengan strategi berbahasa yang pada hemat penyelidik ianya kelihatan ketara dan boleh dikira sebagai satu masalah dalam pertuturan dan bukan strategi komunikasi semata-mata, walaupun terdapat beberapa taksonomi yang berkaitan strategi komunikasi seperti taksonomi Bislystok (1990), Tarone (1983), Faerch dan Kasper (1983). Penyelidik hanya memberikan tumpuan kepada hanya 6 strategi komunikasi sahaja yang boleh dianggap

sebagai masalah dan ianya berbentuk tingkah laku (perlakuan pertuturan) yang boleh mencatitkan sistem komunikasi kerana ianya boleh disedari oleh pendengar tanpa perlu memikir panjang, iaitu :

i) Penukaran kod

Keadaan ini berlaku apabila penutur cuba berkomunikasi dalam bahasa kedua iaitu bahasa Arab dengan menggunakan perkataan-perkataan bahasa ibunda atau bahasa-bahasa lain secara langsung tanpa cuba menyesuaikan perkataan-perkataan tersebut dengan fonologi atau morfologi Arab. Menurut Bialystok (1983) penukaran kod bahasa bermaksud penggunaan satu-satu perkataan atau frasa dalam bahasa ibunda penutur secara terus tanpa perlu diterjemahkan terlebih dahulu, seperti (dipetik Ashinida Aladdin 2005: 105) :

(a) أَضَعُ سَمَاح (الرُّبَالَةُ) فِي بَاحِ السَّمَاح (المُرْتَلَةُ).

(b) أُسَاعِدُ أُمِّي فِي مَنَام (أَرْزَعُ) زَهْرَةَ .

(c) أَلْعَبُ كُرَّةً 0000 بَادْمِنْتُون (المَضْرَبُ) مَعَ أَخِي فِي الْمَسَاءِ .

ii) Pengulangan

Pengulangan berlaku apabila pelajar mengulang beberapa kali sesuatu sebutan samada pengulangan pada satu fonem, perkataan, frasa dan ayat. Pengulangan berlaku

bedasarkan kepada beberapa sebab antaranya adalah untuk mengingat, mencari idea menyusun, merancang dan memperbaiki struktur ayat. Dengan bertindak sedemikian penutur dapat sedikit peluang untuk mencari dan mengingat kembali perkataan yang dikehendaki. Sebagai contoh dipetik daripada Ashinida Aladdin (2005: 108)

أَلْعَبُ كُرَّةً ooo اه ooo saya bermain أَلْعَبُ كُرَّةً ooooo saya bermain أَلْعَبُ كُرَّةً (a)
مِضْرِبِ كُرَّةٍ مِضْرِبِ saya bermain badminton مِضْرِبِ كُرَّةٍ مِضْرِبِ .badminton

أُسَاعِدُ أُمِّي أه saya membantu ibu saya أُسَاعِدُ أُمِّي (b)
أَه saya menanam pokok أَزْرَعُ شَجَرَةً أَزْرَعُ شَجَرَةً membantu ibu saya
يَعْنِي أَزْرَعُ زَهْرَةً . saya menanam pokok bunga

أُم ... نُدَاكِرُ ... kami mengulangkaji نُدَاكِرُ kami mengingat نُدَاكِرُ (c)
نُدَاكِرُ الدُّرُوسِ kami mengulangkaji pelajaran نُدَاكِرُ الدُّرُوسِ فِي الْمَكْتَبَةِ .

iii) Penjedaan

Penjedaan bermaksud berhenti seketika yang berkemungkinan penutur ingin menyesuaikan intonasi dan gaya bahasa yang digunakan untuk menarik perhatian pendengar.

Penjedaan merupakan salah satu gangguan bahasa yang dialami penutur yang menyebabkan penuturannya terhenti seketika untuk memikirkan perkataan, menyusun

ayat, membetulkan sebutan dan seumpamanya. Penjedaan boleh berlaku dalam bentuk tanpa suara atau dengan suara seperti bunyi /a/,/e/em/ dan seumpamanya. Penjedaan juga berlaku dengan pengisian perkataan seperti yakni..iaitu..wa ua....ialah ... , dan sebagainya.

iv) Pengelakan

Berlaku apabila penutur tidak dapat meneruskan atau menyempurnakan sesuatu topik yang ingin disampaikan dan mengalihkannya kepada topik yang lain. Hal ini disebabkan penutur menghadapi masalah linguistik kerana kekurangan bahasa, tiada perkataan atau terlupa fakta yang hendak disampaikan.

v) Menggunakan Bukan Bahasa Verbal

Penggunaan bahasa verbal seperti bahasa isyarat, memek muka dan apa jua perlakuan yang pada pandangan penutur ia dapat menyampaikan maksud dan kefahaman kepada pendengar.

Penggunaan bahasa verbal berlaku apabila penutur sudah kehilangan leksikel dan merasakan tidak mampu untuk meneruskan pertuturan dengan bahasa Arab atau bahasa sasaran. Dalam keadaan ini penutur melakukan aksi atau isyarat untuk membantu menyampaikan maksud yang diinginkan.

Penggunaan strategi komunikasi ini merupakan satu kelebihan dalam pertuturan sesuatu bahasa dan ia bolehlah dianggap sebagai membantu penutur yang menghadapi masalah dipertengahan pertuturan mereka. Walaubagaimanapun jika strategi ini sentiasa diamalkan ia boleh dikatakan sebagai masalah kerana ianya mengganggu tumpuan pendengar dan mungkin membantutkan pemahaman terhadap sesuatu topik. Justeru penggunaan strategi yang positif dengan disertai bimbingan guru amat wajar bagi membantu keadaan ini disamping sentiasa memperbaiki kesilapan yang dilakukan.

2.2 Definisi Lakonan

Penyampaian seseorang guru di dalam kelas mestilah menarik dan kreatif bagi menarik minat supaya pelajar berasa seronok dan riang serta dapat mencabar pemikiran mereka. Untuk membolehkan keadaan ini berlaku guru mestilah mempelbagaikan aktiviti semasa P&P. Terdapat pelbagai aktiviti yang boleh dijalankan oleh guru untuk menghasilkan P&P menarik antaranya adalah nyanyian, lakonan, bercerita, syarahan, simulasi, main peranan, sumbang saran dan sebagainya. Bagi tujuan kajian ini penyelidik hanya membincangkan tentang salah satu aktiviti tersebut iaitu aktiviti lakonan semasa pengajaran dan pembelajaran.

Lakon menurut Kamus Dewan edisi baru membawa erti cerita yang dipentaskan, lakonan pula perihal memainkan sesuatu drama manakala berlakon pula membawa erti bermain atau berlagak dalam sandiwara (drama, wayang dll), mengambil bahagian dalam sandiwara dan lain-lain, berpura-pura menunjukkan sesuatu kelakuan yang bukan sifat sebenarnya (Kamus Dewan Edisi Baru 1992 : 694).

Perkataan lakon dalam bahasa Inggeris pula disebut acting yang membawa maksud *the job or skill performing in plays and film* (Macmillan English Dictionary For Advance Learner 2002 : 14) dan dalam bahasa Arab pula disebut sebagai al-tamthi:liyyaṭ yang membawa maksud sesuatu aktiviti seni yang tersusun dan dicipta dengan kaedah-kaedah tertentu bagi menampakkan situasi sebenar dan hidup dengan disertakan pengajaran yang tertentu (Al-Mu'tamad 2007 : 668).

Menurut Mu'jam al-'Arabiyyaṭ al-Mu'a:sṭarāṭ jld. 3 (2008: 2067) al-tamthi:l membawa makna memainkan peranan dalam aktiviti pertunjukkan filem ataupun televisyen. Perkataan al-tamthi:l juga dapat kita fahami daripada takrifan yang berikut (ar.wikipedia.org/wiki/) :

"التَّمْثِيلُ هُوَ تَقْمِصُ الشَّخْصِيَّاتِ الدَّرَامِيَّةِ وَ مُحَاوَلَةُ مُحَاكَمَتِهَا عَلَى أَرْضِ الْوَاقِعِ وَ تَجَسُّدُ مَلَاحِمِ وَ صِفَاتِ
تِلْكَ الشَّخْصِيَّاتِ وَأَبْعَادَهَا الْمُتَبَايِنَةُ فِي الرَّوَايَةِ أَوْ الْمَسْرُحِيَّةِ الْمَكْتُوبَةِ"

"Al-Thamthi:l (lakonan) adalah pemakaian seseorang terhadap sesuatu watak drama dan berusaha untuk bertutur dengan sebaiknya disertakan dengan ciri-ciri dan sifat

watak tersebut dalam diri pelakon itu. Ia juga tidak menampakkan perlakuan tersebut adalah lakonan yang dirancang."

Berdasarkan kepada definisi-definisi yang diberikan di atas penyelidik dapat merumuskan bahawa lakonan merupakan perbuatan atau perlakuan yang dilakukan oleh pelakon ataupun watak berdasarkan peranan yang ditentukan untuk menyampaikan sesuatu pengajaran ataupun mesej. Jika di terapkan dalam pengajaran dan pembelajaran pula lakonan merupakan salah satu aktiviti yang dilakukan oleh pelajar di dalam kelas dengan memainkan peranan atau watak selain dari dirinya seperti yang dikehendaki oleh guru untuk mencapai sesuatu objektif pengajaran dan pembelajaran yang digariskan mengikut mata pelajaran yang sesuai.

Muhammad Solahuddin 'Aliy Muja:war (1983 : 332) menyatakan bahawa aktiviti lakonan adalah satu aktiviti pembelajaran yang dapat menarik minat pelajar untuk menyertainya, contohnya pada peringkat kanak-kanak, mereka suka melakonkan watak pilot, pemandu kereta, tentera dan sebagainya dengan menggunakan bahasa yang sesuai secara spontan bagi watak tersebut disamping dapat mengungkapkan bentuk-bentuk bahasa dan penggunaan perkataan yang sesuai.

Aktiviti lakonan juga satu alat yang menarik dan memungkinkan perkembangan sosial, intelek dan bahasa seseorang pelajar. Lakonan juga dapat mewujudkan keperluan bertutur kepada pelajar. Oleh yang demikian aktiviti lakonan merupakan salah satu teknik yang sesuai digunakan dalam pendidikan terutamanya matapelajaran bahasa.

Lakonan adalah satu yang melibatkan pelajar memainkan peranan dan melakonkan sesuatu dialog berdasarkan peristiwa ataupun tema lakonan. Secara tidak langsung melalui aktiviti lakonan pembelajaran bahasa berlaku terutama bagi kemahiran bertutur. Tam Yeow Kwai (1996 : 166) menyatakan terdapat dua jenis lakonan, iaitu lakonan spontan yang tidak memerlukan skrip dan persediaan awal dan yang kedua adalah "baca lakonan" iaitu lakonan yang membenarkan pelajar membaca skrip samada skrip yang disediakan oleh pelajar ataupun guru.

Lakonan spontan juga boleh dikatakan sebagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa yang memerlukan berdialog dan beraksi secara spontan dalam situasi yang tidak dirancang. Melalui aktiviti ini murid dilatih lebih berdisiplin supaya bersedia untuk memberi tindakbalas spontan apabila diperlukan dengan menggunakan bahasa yang baik dan sesuai.

Selain itu, melalui aktiviti ini murid dapat mempertingkatkan daya imiginasi dan kreativiti mereka dengan berfikir sendiri secara spontan. Lakonan dapat dijalankan dalam bilik darjah berdasarkan :

a. Kad Arahan.

Guru menyediakan kad-kad arahan yang mengandungi beberapa situasi untuk dilakonan oleh murid. Kad arahan tersebut dimasukkan dalam sebuah bekas atau sampul surat. Murid yang dipilih akan mengambil salah satu daripada kad tadi dan membacanya sehingga faham kemudian melakonkannya secara spontan.

b. Lakonan Spontan Berdasarkan Gambar.

Lakonan jenis ini boleh menggunakan gambar tunggal ataupun gambar bersiri, gambar tunggal bermaksud satu gambar sahaja dan tidak ada kaitan dengan gambar lain. Antara contoh gambar tunggal adalah gambar tokoh negara, gambar binatang, gambar orang sedang bertugas dan seumpamanya.

Manakala gambar bersiri pula adalah terdiri daripada beberapa set gambar yang disediakan oleh guru yang memerlukan murid untuk mengamati, memahami dan melakonkan secara spontan dengan mengucapkan dialog yang sesuai.

2.2.1 Lakonan Dalam Pembelajaran Bahasa

Plato (dipetik daripada Lakon, Drama dan Pemikiran. Terjemahan Rahmah Bujang : 1991) berpendapat bahawa pendidikan mestilah berdasarkan lakonan dan bukannya paksaan, beliau menyebut :

" dari awal lagi, kanak-kanak mestilah mengambil bahagian di dalam semua bentuk lakon yang sah. Jika mereka tidak dikelilingi dengan suatu suasana seperti itu , mereka tidak akan dapat membesar menjadi warganegara yang berpelajaran dan baik".

Pendidikan mestilah bermula lebih awal tetapi dalam suasana bermain dan tanpa halangan supaya keutamaan mereka bertujuan mengembangkan pembentukan sifat semulajadi mereka.

Justeru penggunaan aktiviti lakonan semasa pembelajaran bahasa merupakan satu teknik yang dapat merangsang minat pelajar kerana melalui aktiviti ini pelajar merasakan keterlibatan mereka dalam P&P.

Aktiviti lakonan juga dapat mendekatkan pelajar dengan situasi atau suasana sebenar. Menerusi aktiviti ini pelajar dapat melakonkan sesuatu watak yang diberikan berdasarkan tema atau situasi yang ditetapkan. Aktiviti lakonan biasanya melibatkan dua pelajar ataupun lebih mengikut kesesuaian tema yang ditentukan. Lakonan ini boleh berupa lakonan antara rakan, lakonan antara ahli keluarga seperti adik beradik, ibu-bapa, guru dan seumpamanya.

Dalam menjadikan aktiviti lakonan ini lebih berkesan terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian. (Modul Pengenalan Pendidikan BA OUM 2006: 44 -45).

i) Situasi Yang Berbentuk Komunikasi.

Guru mestilah bijak memilih dan menentukan situasi yang sesuai dan menggalakkan untuk pelajar berkomunikasi dan berlakon antara satu sama lain. Terdapat pelbagai situasi yang dicadangkan sepertimana yang terdapat dalam sukatan dan buku teks

bahasa Arab sekolah rendah antaranya tentang keluarga, rumah, sekolah dan seumpamanya.

ii) Pelajar Memahami Situasi.

Guru juga perlu memastikan bahawa setiap pelajar memahami situasi yang diberikan dengan mendalam terlebih dahulu sebelum aktiviti lakonan dijalankan kerana dengan kefahaman terhadap situasi tersebut pelajar akan dapat menghayati dengan lebih mendalam dan seterusnya dapat mengeluarkan perkataan-perkataan yang sesuai dan baharu semasa aktiviti lakonan dijalankan.

iii) Penjelasan Pelajar Lain.

Arahan kepada pelajar lain yang menonton juga perlu diberikan dengan jelas. Guru mestilah menyediakan arahan yang sesuai dengan objektif pembelajaran yang hendak disampaikan contohnya menulis perkataan baharu, mencatatkan isi penting dan sebagainya.

iv) Pelakon Yang Sesuai.

Guru juga seharusnya memilih pelakon yang sesuai untuk menjayakan sesuatu lakonan. Guru juga boleh membuat pemilihan secara sukarela bergantung kepada situasi.

v) Bebaskan Pelajar.

Guru juga seharusnya memberikan kebebasan dan peluang yang luas untuk pelajar menuturkan sebarang dialog yang diberikan. Namun begitu guru perlu memastikan bahawa pelajar tidak menyeleweng daripada situasi yang diberikan.

vi) Perbincangan.

Sesi perbincangan mestilah diadakan selepas aktiviti lakonan selesai dijalankan dengan membuka peluang kepada pelajar lain untuk mengemukakan sebarang komen dan perbincangan berteraskan objektif yang hendak dicapai.

Aktiviti ini amat sesuai untuk mengajar dan melatih kemahiran berbahasa murid, iaitu berlakon dengan menggunakan skrip lakonan yang mudah dan pendek. Daripada aktiviti ini murid dapat dilatih sebutan, intonasi dan tekanan, serta pelbagai jenis ayat seperti ayat tanya, ayat penyata, ayat seruan dan ayat perintah.

Lakonan merupakan salah satu aktiviti yang ditekankan dalam sukatan pelajaran bahasa Melayu samada peringkat sekolah menengah atau rendah. Ianya bertujuan untuk melatih dan membina kecekapan bertutur di kalangan murid. Mohd Hilmy Haji Ismail (1982 : 68-69) pernah menekankan bahawa :

"Pertuturan adalah menjadi asas kepada hampir semua pembelajaran bahasa. Pertuturan mendahului bacaan dan latihan bertulis. Murid-murid sepatutnya boleh menyusun fikiran dan idea-idea dalam pertuturan sebelum ia membuat latihan bertulis. ... Gerak kerja lisan memang ada dilakukan oleh guru pada setiap pelajaran bahasa. Namun demikian ada juga guru yang melangkaui aspek ini." (Mohd Hilmy Haji Ismail 1982: 68-69)

Walaupun bagaimanapun tidak semua aktiviti lakonan dianggap sebagai berkesan dalam membina kemahiran bertutur di kalangan pelajar kerana ianya juga bergantung kepada beberapa faktor yang membantu meningkatkan keberkesanan aktiviti ini, iaitu :

- 1- Mutu atau kualiti pengajaran dan bimbingan daripada guru.
- 2- Kekerapan aktiviti atau latihan yang diberikan.
- 3- Kekerapan peluang bagi setiap pelajar terlibat dalam sesuatu aktiviti yang dijalankan.
- 4- Persediaan dan perancangan yang rapi daripada guru.
- 5- Arahan dan penerangan yang jelas daripada guru.

Aktiviti lakonan juga memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan watak atau personaliti sendiri dalam mewujudkan bahasa yang diperlukan. Selain itu ia juga dapat mencungkil bakat semulajadi pelajar dalam meniru menggayakan, melakonkan dan mengeluarkan perasaan melalui gerak geri dan bahasa yang sesuai dalam pertuturan mereka. Jika ditinjau matlamat pembelajaran bahasa Arab yang tercatat pada kurikulum bahasa Arab Kementerian Pelajaran Malaysia adalah seperti berikut (Sukatan Bahasa Arab Komunikasi Kementerian Pelajaran Malaysia 2004) :

"إِنَّ دِرَاسَةَ اللُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ فِي الْمَرْحَلَةِ الثَّانَوِيَّةِ تُهَدَفُ إِلَى تَمَكِينِ الطَّلَبَةِ مِنْ اِكْتِسَابِ الْمَهَارَاتِ اللُّغَوِيَّةِ الْأَرْبَعِ وَمُمَارَسَتِهَا , عَلَى أَنْ تَكُونَ مَهَارَةُ الْكَلَامِ هِيَ بِؤْرَةَ الْاِهْتِمَامِ مِنْ بَيْنَ هَذِهِ

المَهَارَاتِ , وَإِلَى تَرْوِيدِهِمْ بِالثَّرَوَاتِ اللُّغَوِيَّةِ وَتَنْمِيَةِ قُدْرَاتِهِمْ عَلَى اسْتِعْمَالِ اللُّغَةِ اسْتِعْمَالًا
صَحِيحًا وَإِلَى جَانِبِ تَنْمِيَّتِهِمْ بِالْقِيَمِ الإِسْلَامِيَّةِ وَالْأَخْلَاقِ الْفَاضِلَةِ"

"Pengajaran bahasa Arab di sekolah menengah bermatlamat kepada membolehkan murid menguasai kemahiran-kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca, dan menulis dengan memberikan perhatian kepada kemahiran bertutur, menguasai perbendaharaan kata dan meningkatkan kepekaan mereka bagi menggunakannya dengan tepat serta meningkatkan akhlak mulia dan nilai-nilai murni".

Pernyataan di atas merupakan matlamat pendidikan bahasa Arab di Malaysia. Di dalam sukatan Pelajaran bahasa Arab KBSM dan j-Qaf. Terdapat tiga daripadanya menekankan kepada aspek komunikasi iaitu :

- a) Menyebut bunyi huruf, perkataan dan ayat dengan betul.
- b) Bertutur dengan fasih dan betul serta memberikan pendapat dan hujah-hujah dalam situasi tertentu.
- c) Bercakap dengan menggunakan bahasa Arab berdasarkan tema-tema tertentu dan memahaminya.

Matlamat dan objektif di atas akan dapat tercapai dengan lebih berkesan melalui penggunaan aktiviti yang boleh merangsang pelajar mempelajari bahasa secara mendapat pengalaman terus. Melalui pengalaman, guru dapat mendedahkan situasi sebenar kepada pelajar.

Melalui situasi yang sebenar ianya dapat menjadi faktor yang menolong pelajar untuk lebih memahami sesuatu perkara dalam pembelajaran. Lakonan juga dapat mewujudkan interaksi bermakna di kalangan berdasarkan konteks yang sebenar. Selain itu, dengan situasi sebenar pelajar dapat mempelajari cara penyebutan sesuatu perkataan mengikut cara yang sesuai dengan intonasi, nada suara yang betul dan sebagainya.

Aktiviti lakonan juga dapat membantu guru dalam mengajar pelajar yang mempunyai kebolehan bahasa yang berbeza. Pelajar-pelajar yang kurang berkebolehan berbahasa dapat menggunakan "para linguistik" atau gerak laku mereka untuk menyampaikan makna. Mereka juga boleh menggunakan bahasa yang lebih mudah selain pelajar-pelajar lebih teruja dengan persembahan kawan - kawan mereka.

2.2.2 Kajian Berkaitan Lakonan Dalam Pembelajaran Bahasa

Kajian tentang aktiviti lakonan masih belum terdapat di negara kita setakat pengetahuan penyelidik, namun kesemua penyelidikan menumpukan kajian mereka terhadap aktiviti drama dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh kerana ketiadaan kajian lampau dan terdapat kaitan yang rapat antara lakonan secara langsung, penyelidik mengambil kajian berkaitan dengan drama bagi tujuan tinjauan kajian berkaitan untuk penyelidikan ini. Kajian berkenaan telah dilakukan oleh penyelidik tempatan dan pengkaji Barat. Bagi membincangkan kajian yang berkaitan ini

penyelidik mengkategorikan kepada dua bahagian, iaitu kajian tempatan dan kajian Barat.

2.2.2.1 Kajian Penyelidik Tempatan

Pengkajian tentang penggunaan kaedah drama dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia belum lagi dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lain. Oleh kerana terdapat kajian tentang penggunaan kaedah drama dalam pengajaran bahasa Melayu di Malaysia, pengkaji merujuk kepada kajian-kajian tersebut kemudian disesuaikan untuk kajian bahasa Arab.

Penggunaan teks drama dalam pengajaran bahasa telah dikaji oleh beberapa pengkaji di Malaysia antaranya, Ab. Rahim Bin Yasin (1998), Mazlan Aziz (1992), Md. Shainisi Kasan (1989), Salehudin Husin (1987) dan Kamaruzaman Abdullah (1986). Penyelidik hanya membincangkan beberapa kajian yang berkaitan secara langsung dengan penyelidikan ini.

Abdul Rahim Yasin (1998) telah menjalankan kajian tentang penggunaan teks drama dalam pengajaran bahasa Melayu tingkatan dua di beberapa buah sekolah daerah Hulu Langat, responden kajian adalah terdiri daripada guru bahasa Melayu dan pelajar tingkatan dua di empat buah sekolah menengah di daerah Hulu Langat. Beliau melibatkan lapan orang guru bahasa Melayu dan 268 pelajar.

Dalam kajian ini beliau menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif. Dalam pengumpulan data beliau menggunakan pelbagai instrumen iaitu temubual, pemerhatian dan bukti dokumen. Selain itu soal selidik juga digunakan untuk melihat sambutan pelajar terhadap penggunaan teks drama dalam pengajaran bahasa Melayu.

Beliau menjuruskan kajian ini kepada mencari jawapan apakah tahap pengetahuan guru terhadap kandungan sukatan pelajaran bahasa Melayu tingkatan dua disamping melihat apakah perlakuan guru dalam pengajaran semasa menggunakan teks drama di samping mencari jawapan apakah persamaan dan perbezaan perlakuan dan bentuk pengajaran antara guru berpengetahuan tinggi dan guru berpengetahuan rendah.

Daripada persoalan di atas penyelidik dapat rumuskan bahawa kajian beliau adalah lebih kepada guru. Dapatan kajian beliau menyatakan terdapat beberapa orang guru kurang pengetahuan dan pemahaman terhadap kandungan dan sukatan pelajaran bahasa Melayu, dapatan juga mengatakan guru kurang cekap untuk menyediakan persediaan pengajaran yang lengkap bagi membantu pemahaman pelajar, selain itu dapatan juga mengatakan guru memperlihatkan bentuk perlakuan pengajaran membaca dan memaham yang berkesan semasa menggunakan teks drama.

Mohd. Razali Yaacob (1998) telah menjalankan satu kajian yang bertajuk "Status Teknik Drama Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Di Kalangan Guru Lulusan Kursus Lanjutan 14 Minggu Pendidikan Bahasa Malaysia Melalui Drama di Institut Bahasa".

Kajian ini bertujuan untuk melihat status teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Kajian ini telah diadakan pada bulan April hingga Jun 1998 yang melibatkan 58 responden untuk soal selidik dan 15 pemerhatian pengajaran di bilik darjah. Responden terdiri daripada guru-guru terlatih yang telah mengikuti Kursus Lanjutan 14 Minggu Pendidikan Bahasa Malaysia Melalui Drama di Institut Bahasa, Kuala Lumpur pada sesi tahun 1994 hingga 1997. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik dan pemerhatian pengajaran.

Beliau menganalisis data secara manual dan dihuraikan dalam bentuk jadual kekerapan dan peratusan. Hasil kajian ini mendapati sebahagian guru terlatih memahami konsep drama pendidikan, tetapi sangat sedikit menggunakan teknik drama dalam pengajaran. Dalam pengajaran, hanya aktiviti-aktiviti drama yang mudah seperti bercerita, permainan bahasa, main peranan dan teater pembaca yang sering digunakan, manakala aktiviti wayang kulit, pantomin dan boneka sangat kurang.

Persepsi guru tidak sampai seperempat yang menyatakan teknik drama mudah digunakan dengan pengajaran dan hanya kira-kira 20% daripada guru terlatih mahir menggunakan teknik drama dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Mazlan Abdul Aziz (1992) telah menjalankan kajian tentang jenis bahan sastera yang kerap digunakan oleh guru dalam pengajaran bahasa Melayu. Beliau memilih responden yang terdiri daripada 20 orang guru bahasa Melayu di beberapa buah sekolah menengah dengan menggunakan instrumen soal selidik dalam pengumpulan data.

Dapatan daripada kajian beliau menyatakan sebanyak 60% daripada guru (12 orang) bersetuju menyatakan teks drama sesuai digunakan untuk pengajaran membaca dan memaham. Manalaka 55% (11 orang) daripada guru menyatakan teks drama sesuai digunakan dalam pengajaran penulisan. Dapatan juga menyatakan kekerapan penggunaan teks drama dalam pengajaran bahasa Melayu adalah sebanyak 15% (3 orang guru) selalu menggunakannya, 5% (seorang) kerap menggunakannya, 40% (8 orang) penggunaan kadang-kala, dan sebanyak 40% (8 orang guru) jarang menggunakannya.

Daripada dapatan kajian yang dijalankan di atas, dapat disimpulkan bahawa penggunaan teks drama dalam pengajaran bahasa Melayu adalah digunakan secara sederhana oleh guru di dalam kelas, di mana ianya meninggalkan kesan yang baik semasa pengajaran dan pembelajaran terutama kepada pelajar, pelajar juga akan belajar dalam keadaan seronok dan meriah selain dapat mendedahkan pelajar kepada pelbagai pengalaman untuk lebih berkeyakinan dalam menggunakan bahasa yang dipelajari.

Merujuk kepada keistimewaan penggunaan teks drama dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas maka jelas kepada kita bahawa aktiviti ini sesuai digunakan dalam pengajaran bahasa, samada bahasa ibunda ataupun bahasa kedua seperti bahasa Inggeris ataupun bahasa Arab.

2.2.2.2 Kajian Penyelidik Barat

Di antara kajian yang dihasilkan oleh pengkaji barat berkaitan dengan aktiviti lakonan dan drama dalam pengajaran dan pembelajaran adalah kajian yang dihasilkan oleh Beverly J. Cimmestad dan Edith De Chiara (1982) yang menjalankan kajian tentang penyerapan nilai dan pengurangan sikap prajudis di kalangan kaum melalui drama. Mereka menjalankan kajian terhadap 559 orang murid di dua sekoalah awam di New York iaitu terdiri daripada kumpulan eksperimen seramai 304 orang dan kumpulan terkawal seramai 255 orang.

Murid-murid tersebut yang terdiri daripada empat kaum minoriti di Amerika iaitu Puerto Rico, etnik China, Yahudi dan kulit hitam. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan skrip drama dalam aktiviti P&P (iaitu empat skrip yang bertemakan kebudayaan, penghormatan terhadap setiap kaum), manakala kumpulan terkawal hanya diajar dengan cara perbincangan dengan tema yang sama.

Hasil kajian ini mendapati terdapat perbezaan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan terkawal dari segi perubahan sikap, keprejudisan terhadap kaum lain. Kajian ini menunjukkan bahawa drama dapat membentuk sikap murid, mewujudkan persefahaman, muhibbah dan toleransi dikalangan masyarakat berbilang kaum.

June Cassin (1986) menjalankan kajian berkaitan drama dan pembelajaran bahasa. Beliau mendapati drama dapat melatih kecekapan bertutur dalam bahasa Inggeris dengan cepat dan berkesan. Beliau menjalankan kajian ini ke atas satu kumpulan pelajar seramai 20 orang yang terdiri daripada pelajar-pelajar asing (Asia) yang

menuntut di Universiti Melbourn dan tahap pencapaian lisan bahasa Inggeris mereka adalah rendah.

Para pelajar diberikan aktiviti bengkel selama 20 jam iaitu 2 jam seminggu untuk tempoh 10 minggu. Bengkel ini diisi dengan aktiviti dan latihan lakonan berkaitan seperti kawalan pernafasan, projeksi vokal, ketepatan penyebutan, 'gesture' atau gerak tubuh dan penghayatan teks drama. Penilaian dijalankan secara catatan harian dan lakaran lukisan (refleksi) penuntut yang terlibat. Respon yang diberikan adalah amat positif dan hasilnya juga membanggakan yang membolehkan penuntut tersebut bertutur dengan fasih setelah mengikuti bengkel ini.

Braian Edmiston, Pat Enciso dan Martha L.King (1987) juga menjalankan kajian tentang keberkesanan drama naratif dalam meningkatkan ketajaman pembacaan dan penulisan. Kajian ini dilakukan dengan melaksanakan eksperimen ke atas kanak-kanak sekolah rendah yang berusia antara 9 hingga 10 tahun di Columbus, Ohio.

Penyelidik tersebut menjalankan penyelidikan dengan memberikan teks drama karya Jean Firtz bertajuk "Where Do You Think You Are Going, Christopher Columbus?" kepada kanak-kanak. Setelah dibaca dan dibincangkan kandungan teks tersebut, mereka diminta melakonkannya dalam bentuk main peranan dan improvisasi berdasarkan kepada empat perspektif yang berbeza dan telah ditentukan oleh pihak penyelidik.

Berdasarkan penglibatan aktiviti dan hasil kerja kumpulan yang dinilai, penyelidik tersebut mendapati aktiviti lakonan dan drama ini dapat mempertajamkan fikiran

murid. Murid-murid dapat mencetuskan idea baru dan dapat menghasilkan penulisan yang kreatif berdasarkan aktiviti tersebut.

Merujuk kepada keistimewaan penggunaan teks drama dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, maka jelaslah bahawa aktiviti ini sesuai digunakan dalam pembelajaran bahasa, sama ada bahasa ibunda ataupun bahasa kedua seperti bahasa Inggeris ataupun bahasa Arab. Melalui kajian ini, penyelidik ingin mengkaji tentang penggunaan aktiviti lakonan dalam pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu untuk meninjau persepsi mereka terhadap aktiviti ini berdasarkan objektif yang telah disebut dalam bab yang terdahulu.

Kajian-kajian dalam bahasa Melayu dan kajian Barat yang dinyatakan di atas dapat membantu penyelidik dalam menentukan objektif kajian serta kaedah pengumpulan data yang sesuai untuk mencapai objektif kajian. Manakala kajian bahasa Arab untuk pembelajaran melalui lakonan dan drama penyelidik tidak menjumpainya.

2.3 Penutup

Aspek teori dan kajian-kajian lepas berkaitan tajuk penyelidikan ini yang dibentangkan penyelidik amat penting bagi menyelusuri kajian ini. Kajian-kajian lepas juga memberikan input yang berguna kepada penyelidik dan dapat membantu dalam menyelesaikan penyelidikan ini. Penyelidik berharap perkara yang dibincangkan tadi dapat menyemarakkan lagi kajian tentang pembelajaran bahasa Arab dan menjadi rujukan kepada penyelidik-penyelidik yang akan datang.